

**PERUTUSAN PEJABAT KETUA PENDAFTAR JKSTR  
SEMPENA MENYAMBUT KETIBAAN BULAN RAMADHAN  
BAGI TAHUN 1442 H / 2021 M**

*Bismillahirrahmanirrahim,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji dan syukur kehadiran Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia yang dikasihi, Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Baqarah, ayat 183:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Bermaksud: "*Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu mudah-mudahan kamu menjadi orang-orang yang bertaqwa*"

***YA Hakim Kanan Mahkamah Tinggi Syariah, YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah,  
Tuan Hakim Mahkamah-Mahkamah Rendah Syariah Daerah-Daerah,  
Para Pegawai Syariah & semua kakitangan JKSTR,  
Semua muslimin & muslimat yang dirahmati Allah sekalian.***

Setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan kehadiran Illahi kerana dengan limpah dan kurniaanNya kita masih diberikan peluang untuk bertemu dengan bulan Ramadhan al-Mubarak pada tahun ini. Bulan yang penuh dengan Rahmat serta keberkatan dan juga bulan yang mana diturunkan padanya mukzijat Al-Quranul Karim.

***Pegawai dan kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu (JKSTR) yang dikasihi sekalian,***

Sempena bulan yang penuh keberkatan ini, kita semua termasuklah diri saya sendiri diseru agar memanfaatkan setiap detik dan hari dalam bulan yang mulia ini dengan meningkatkan amal ibadah kita kepada Allah s.w.t. Selain ibadah yang diwajibkan iaitu puasa di siang hari Ramadhan selama sebulan dan mengeluarkan zakat fitrah, kita seharusnya mengambil peluang untuk beribadah semaksima mungkin pada bulan Ramadhan yang penuh keampunan ini.

Antaranya, menunaikan solat tarawih, menghidupkan malam dengan amalan yang disyariatkan termasuk *qiamullail*, bertadarus al-Quran, beriktikaf terutama 10 malam terakhir, memperbanyakkan sedekah, memberi makanan kepada orang yang berpuasa, bersederhana dalam berbelanja dan makan minum, menjaga pancaindera dari melakukan maksiat dan lain-lain lagi. Madrasah Ramadhan selama sebulan ini juga adalah untuk memupuk diri kita agar sentiasa mengharapkan kerahmatan, keampunan, dibebaskan dari api neraka sekaligus mencapai ketaqwaan dan keredhaan Allah SWT.

Dalam masa yang sama, semoga kita semua dapat menjalankan tugas-tugas hakiki yang dipertanggungjawabkan ke atas diri masing-masing dengan lebih sempurna pada bulan yang mulia ini dan juga setiap kerja yang dilakukan itu diberi ganjaran yang berlipat kali ganda olehNya. Saya juga berharap agar Sinar Ramadhan yang kita semarakkan ini, akan dapat memantapkan lagi hubungan sesama kita baik sebagai rakan sekerja, sahabat handai dan seterusnya sesama kita sebagai khalifah di atas muka bumi ini untuk bekerja bersama-sama memakmurkan bumi Allah dengan penuh keikhlasan.

Oleh itu, marilah sama-sama kita meletakkan Ramadhan ini sebagai medan yang terbaik untuk memperhambakan diri dengan sebaik-baiknya kepada Allah Rabbul Izzah. Jadikan Ramadhan pada kali ini sebagai Ramadhan yang sangat berkualiti dari yang sebelumnya agar kita mencapai tahap "Mardhatillah". Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada semua jawatankuasa serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan semua aktiviti Ramadhan ini. Semoga ianya dijadikan sebagai amalan soleh dan juga menjadi saham di akhirat kelak insyaAllah.

Dalam keghairahan menyambut Ramadhan dan juga mengisi hari-harinya dengan amal ketaatan, janganlah kita lupa bahawa kita masih lagi berada dalam situasi penularan covid-19. Oleh itu, patuhilah segala SOP dan ketetapan yang telah digariskan oleh KKM dan MKN serta pihak berkuasa negeri agar Ramadhan tersebut dapat dilalui dengan penuh makna.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama memanfaatkan sepenuhnya kelebihan yang ada di bulan yang berkah ini, dan juga agar ianya dapat dijadikan sebagai suatu amalan yang berterusan selepasnya. Semoga segala amalan dan usaha kita akan diterima dan dikurniakan ganjaran sebaik-baiknya oleh Allah SWT. Saya mendoakan agar kita semua diberi kekuatan, hidayah dan inayah olehNya untuk meningkatkan ilmu, amal dan taqwa di bulan Ramadhan ini.

Salam Ramadhan al-Mubarak.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wasaalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Bertarikh pada:

29 Syaaban 1442H / 12 April 2021.